




## PANDUAN BAHAGIAN PERKASTAMAN

### AKTIVITI JUAL BELI SYARIKAT BERSTATUS GUDANG PENGILANGAN BERLESEN (GPB) MELIBATKAN SYARIKAT PEDAGANG

- i. Pemegang lesen GPB adalah dibenarkan untuk menjalankan aktiviti jual beli dan memindahkan barang yang melibatkan syarikat pedagang di luar / dalam Malaysia. Dasar semasa menyatakan jualan barang siap GPB ke Kawasan Utama Kastam (KUK) adalah tertakluk kepada duti import, duti eksais dan cukai jualan sebagaimana peruntukan perundangan di bawah seksyen 65A(3)(b) Akta Kastam 1967, seksyen 28 Akta Eksais 1976 dan seksyen 57(b) Akta Cukai Jualan 2018.
- ii. Walau bagaimanapun, terdapat peruntukan tertentu yang boleh mengecualikan duti import dan cukai jualan sekiranya barang berkenaan dieksport oleh syarikat di KUK. Pengecualian duti import dan cukai jualan boleh dituntut oleh syarikat pedagang menggunakan peruntukan di bawah Butiran 92, Perintah Duti Kastam (Pengecualian) 2017 dan Butiran 57, Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018.

#### A. EKSPORT MELALUI PIHAK KETIGA (PEDAGANG)

1. Syarikat pedagang di **DALAM MALAYSIA** membeli barang siap daripada GPB dan dipindahkan ke KUK terlebih dahulu sebelum dieksport ke luar negara. Dalam situasi ini :



- a. GPB hendaklah mengeluarkan invois jualan kepada pedagang.
- b. Kaedah pengikraran jualan ke KUK oleh GPB adalah melalui Borang Kastam No. 9 (K9) dengan menyatakan GPB sebagai konsainor, manakala pedagang sebagai pemohon

dan pengimport. Pengecualian duti import dan cukai jualan dituntut berdasarkan butiran-butiran berkaitan sebagaimana dinyatakan di para (ii) di atas tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.


- c. *Delivery order* (D.O.) hendaklah dinyatakan GPB sebagai penghantar dan pedagang sebagai penerima. Penerimaan barang hendaklah disahkan oleh pedagang di dalam D.O. berkenaan.
  - d. Seterusnya pedagang akan mengeluarkan inuis kepada pelanggan di luar Malaysia dan membuat pengikraran eksport menggunakan Borang Kastam No. 2 (K2) di mana konsainor adalah atas nama pedagang manakala konsaini adalah di atas nama pelanggan di luar Malaysia.
  - e. *Bill of Lading* (BL) hendaklah dinyatakan seperti dalam borang K2 iaitu konsainor adalah di atas nama pedagang, manakala konsaini adalah di atas nama pelanggan di luar Malaysia.
2. Kuota jualan syarikat GPB dalam keadaan ini (eksport melalui pihak ketiga) dikategorikan sebagai memenuhi kuota jualan eksport.
  3. Syarikat pedagang hendaklah mengemukakan permohonan eksport bagi pihak ketiga kepada stesen mengawal sebelum pengeksportan dilakukan dengan menggunakan borang Permohonan Pengecualian Duti Kastam di bawah Butiran 92 Perintah Duti Kastam (Pengecualian) 2017 – (Lampiran P) seperti di lampiran.

## B. DROP SHIPMENT

Secara umumnya, aktiviti *drop shipment* adalah melibatkan pembelian barang oleh pedagang (dalam / luar Malaysia) daripada pengilang / pembekal dan seterusnya mengarahkan pengilang / pembekal barang berkenaan menghantar terus kepada pelanggan pedagang berkenaan.

Terdapat pelbagai situasi melibatkan aktiviti *drop shipment* seperti berikut ;


1. **Pedagang membeli barang daripada GPB dan mengarahkan GPB mengeksport terus barang berkenaan kepada pelanggan di luar Malaysia.** Dalam situasi ini ;



- a. GPB hendaklah mengeluarkan inuis jualan kepada pedagang dengan menyatakan "*bill to*" (maklumat pedagang) dan "*ship to*" (maklumat pelanggan di luar Malaysia).


- b. Kaedah pengikraran eksport oleh GPB melalui Borang Kastam No. 2 (K2) menyatakan GPB sebagai konsainor dan pelanggan di luar Malaysia sebagai konsaini. Selain itu, klausa *care of* (bagi pihak) pedagang (nama penuh pedagang dan alamat) hendaklah dinyatakan di tepi sebelah kiri dalam borang K2 berhampiran dengan ruangan untuk agen kastam.
- c. *Bill of Lading* (BL) hendaklah dinyatakan seperti dalam borang K2 iaitu konsainor adalah di atas nama GPB, manakala konsaini adalah di atas nama pelanggan di luar Malaysia. Selain itu, dalam BL hendaklah juga dinyatakan *notify party* (untuk makluman pihak yang berkaitan) kepada pedagang.
- d. Kuota jualan syarikat GPB dalam keadaan ini dikategorikan sebagai memenuhi kuota jualan eksport.

2. **Pedagang membeli barang daripada GPB dan mengarahkan GPB memindahkan barang berkenaan kepada pelanggan di KUK.** Dalam situasi ini ;




- a. GPB hendaklah mengeluarkan invois jualan kepada pedagang dengan menyatakan "*bill to*" (maklumat pedagang) dan "*ship to*" (maklumat pelanggan di KUK).
- b. Kaedah pengikraran jualan oleh GPB melalui Borang Kastam No. 9 (K9) perlu dinyatakan maklumat GPB sebagai konsainor, pedagang sebagai pemohon dan pelanggan di KUK sebagai pengimport. Invois jualan yang digunakan hendaklah berdasarkan invois jualan daripada pedagang kepada pelanggan KUK.
- c. *Delivery Order* (DO) hendaklah dinyatakan syarikat penghantar adalah di atas nama GPB *care of* (bagi pihak) pedagang (nama penuh pedagang dan alamat), manakala syarikat penerima adalah di atas nama pelanggan di KUK.
- d. Jualan syarikat GPB dalam situasi ini tertakluk kepada bayaran duti import dan cukai jualan. Walau bagaimanapun, syarikat GPB / Pelanggan di KUK boleh menuntut pengecualian duti / cukai sekiranya terdapat peruntukan yang berkaitan.
- e. Kuota jualan syarikat GPB dalam keadaan ini dikategorikan sebagai memenuhi kuota jualan tempatan.

3. Pedagang membeli barang daripada GPB dan mengarahkan GPB (penjual) memindahkan barang berkenaan kepada pelanggan berstatus GPB (pelanggan). Dalam situasi ini ;




- GPB hendaklah mengeluarkan invois jualan kepada pedagang dengan menyatakan "*bill to*" (maklumat pedagang) dan "*ship to*" (maklumat GPB pelanggan).
- Kaedah pengikraran oleh GPB adalah melalui borang GPB - 1 dengan menyatakan GPB (nama penuh GPB dan alamat) sebagai syarikat penghantar *care of* (bagi pihak) pedagang (nama penuh pedagang) dan GPB pelanggan sebagai Syarikat Penerima.
- Delivery Order (DO)* hendaklah dinyatakan seperti dalam borang GPB - 1 iaitu syarikat penghantar adalah di atas nama GPB *care of* (bagi pihak) pedagang (nama penuh pedagang dan alamat), manakala syarikat penerima adalah di atas nama GPB pelanggan.
- Transaksi sedemikian hanya dibenarkan bagi jualan barang siap GPB (penjual) yang merupakan bahan mentah kepada GPB (pelanggan). Pedagang perlu memastikan barang siap tersebut merupakan bahan mentah kepada GPB (pelanggan) dengan membuat semakan melalui Lampiran A2 GPB (pelanggan).
- Kuota jualan syarikat GPB dalam keadaan ini dikategorikan sebagai memenuhi kuota jualan eksport.

4. Pedagang membeli barang daripada GPB dan mengarahkan GPB memindahkan barang berkenaan kepada pelanggan di Zon Bebas. Dalam situasi ini :



- GPB hendaklah mengeluarkan invois jualan kepada pedagang dengan menyatakan "*bill to*" (maklumat pedagang di luar Malaysia) dan "*ship to*" (maklumat pelanggan di luar Malaysia).
- Kaedah pengikraran eksport oleh GPB melalui Borang Kastam No. 2 (K2) menyatakan GPB sebagai konsainor dan pelanggan di luar Malaysia sebagai konsaini. Selain itu, klausa *care of* (bagi pihak) pedagang di Luar Malaysia (nama penuh pedagang dan alamat) hendaklah dinyatakan di tepi sebelah kiri dalam borang K2 berhampiran dengan ruangan untuk agen kastam.
- Delivery Order (DO)* hendaklah dinyatakan seperti dalam borang K2 iaitu syarikat penghantar adalah di atas nama GPB *care of* (bagi pihak) pedagang (nama penuh pedagang dan alamat), manakala syarikat penerima adalah di atas nama GPB pelanggan di Kawasan Zon Bebas.
- Kuota jualan syarikat GPB dalam keadaan ini dikategorikan sebagai memenuhi kuota jualan eksport.

5. Pedagang membeli barang daripada GPB dan mengarahkan GPB memindahkan barang berkenaan ke Gudang Berlesen (GB) sebelum dipindah ke Zon Bebas / Luar Negara / KUK. Dalam situasi ini :



- a. GPB hendaklah mengeluarkan invois jualan kepada pedagang dengan menyatakan "*bill to*" (maklumat pedagang) dan "*ship to*" (nama penuh pedagang dan alamat di GB).
- b. Pedagang hendaklah mempunyai tapak sewaan di GB berkenaan.
- c. Kaedah pengikraran oleh GPB adalah melalui borang GPB - 2 dengan menyatakan GPB (nama penuh GPB dan alamat) sebagai syarikat penghantar dan pedagang (nama penuh pedagang dan alamat di GB) sebagai syarikat penerima.
- d. *Delivery Order (DO)* hendaklah dinyatakan seperti dalam borang GPB - 2 iaitu syarikat penghantar adalah di atas nama GPB manakala syarikat penerima adalah di atas nama pedagang (nama penuh pedagang dan alamat di GB).
- e. Bagi pergerakan keluar daripada GB, kaedah pengikraran bergantung kepada pergerakan daripada GB ke :
  - i. Zon Bebas - Menggunakan Borang Kastam No. 8 (K8)
  - ii. Luar Negara - Menggunakan Borang Kastam No. 8 (K8)
  - iii. KUK - Menggunakan Borang Kastam No. 9 (K9)
- f. Kuota jualan syarikat GPB adalah bergantung kepada pergerakan keluar barang daripada GB. Bagi pergerakan daripada GB ke Zon Bebas dan luar negara, kuota jualan adalah kuota jualan eksport manakala bagi pergerakan GB ke KUK, kuota jualan adalah kuota jualan tempatan.
- g. Walaupun tempoh simpanan di GB yang dibenarkan adalah 2 tahun, namun bagi aktiviti drop shipment, tempoh simpanan di GB adalah terhad kepada tempoh kelulusan (6 bulan) yang diberikan sahaja. Sekiranya terdapat baki barangan siap yang tidak dieksport / dijual ke KUK dan masih berada dalam simpanan GB selepas tempoh kelulusan, maka bil tuntutan akan dikeluarkan terhadap syarikat. Baki barangan siap tersebut juga akan diambil kira sebagai kuota jualan tempatan.
- h. Pedagang perlu mengemukakan salinan borang K8 atau borang K9 kepada syarikat GPB dalam tempoh 6 bulan daripada tarikh barang disimpan dalam GB bagi penentuan kuota jualan eksport atau kuota jualan tempatan.

- iii. Untuk aktiviti *drop shipment*, GPB (penjual) hendaklah mengemukakan permohonan melalui Borang Permohonan Pelesenan dan Kemudahan GPB (Borang GPB Am) kepada stesen mengawal.
- iv. Aktiviti drop shipment yang dibenarkan adalah :
  - a) melibatkan pergerakan barangan daripada GPB kepada pelanggan akhir termasuk senario di para 5 dan;
  - b) melibatkan barang-barang selain daripada rokok, minuman keras, produk tembakau dan mana-mana produk yang mengandungi nikotin
- vi. Kelulusan adalah tertakluk kepada pematuhan ke atas syarat-syarat yang telah ditetapkan.